

PENGENALAN

Ini adalah kurikulum bagi mata pelajaran Akhlak yang telah digariskan untuk Sekolah-sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) yang melaksanakan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain Asrama. Kurikulum ini mengandungi objektif am, objektif khas dan sukatan yang terdiri daripada tajuk-tajuk utama yang telah ditetapkan.

OBJEKTIF AM

Pembelajaran Akhlak di Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3 bertujuan untuk memastikan pelajar memperoleh ilmu yang berkaitan dengan akhlak, memahami nilai-nilainya dan mempraktikkannya dalam kehidupan seharian. Mereka juga dapat menghindarkan diri daripada akhlak-akhlak yang keji yang ada di sekeliling mereka.

OBJEKTIF KHAS

Kurikulum Akhlak bertujuan untuk membolehkan pelajar :

- 1) Menerangkan tentang nilai-nilai Islam dari sukatan yang ditetapkan.
- 2) Menjelaskan tentang adab-adab Islam dan akhlak-akhlak yang mulia.
- 3) Membezakan antara akhlak-akhlak yang terpuji dan akhlak-akhlak dan akhlak-akhlak yang keji.
- 4) Menerangkan tentang asas-asas akhlak dalam Islam.
- 5) Menyelesaikan isu-isu semasa dalam masyarakat.
- 6) Menulis doa-doa yang dipelajari.
- 7) Membaca ayat-ayat Quran dan Hadis yang dipelajari.

SUKATAN PELAJARAN

TAHAP 1

1. Pengertian dan kepentingan adab dan akhlak
2. Niat dan kepentingannya
3. Adab menuntut ilmu
4. Adab membaca al-Quran
5. Memelihara sunnah dan adab-adabnya
6. Menghormati dan berbakti kepada ibubapa
7. Adab memberi salam
8. Adab memuliakan tetamu

TAHAP 2

1. Sabar
2. Syukur
3. Raja' dan Khauf
4. Berani

5. Tawakkal
6. Zuhud

TAHAP 3

1. Murah hati
2. Tawaddu'
3. Malu
4. Menjaga rahsia
5. Menepati Janji
6. Bersikap Tenang
7. Berlumba-lumba kearah kebaikan
8. Sifat Mazmumah :Marah, dengki dan dendam